



## JENIS KAD YANG LAIN

### Kad caj

Seperti kad kredit, anda boleh membeli barangan dan perkhidmatan tanpa menggunakan wang tunai. Beza di antara kad kredit dan kad caj adalah kad kredit membenarkan anda membuat pembayaran minimum manakala kad caj, anda mesti membayar kesemua jumlah mengikut penyata bulanan. Jika tidak, caj bayaran lewat akan dikenakan

### Kad debit

Seperti juga kad kredit, anda boleh membeli barangan dan perkhidmatan tanpa menggunakan wang tunai tetapi had penggunaannya tertakluk kepada baki di dalam akaun deposit anda. Anda boleh menggunakan kad debit di tempat yang menerima kad tersebut. Jumlah yang dicajkan akan ditolak serta-merta daripada akaun anda

Jika anda selalu membayar jumlah minimum pada kad kredit, kami cadangkan supaya beralih kepada kad debit

### Kad prabayar

Boleh digunakan untuk membuat pembelian tertakluk kepada jumlah wang yang anda masukkan di dalam kad tersebut. Contohnya seperti kad prabayar telefon atau kad **Touch'n'Go**. Apabila wang di dalam kad berkurangan, anda boleh menambah semula nilai kad anda

Anda mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang apa yang perlu diketahui sebelum memohon kad kredit dan bagaimana menggunakannya dengan bijak.

